

30 AUG 2002

Syed Hamid-Filipina

KEMENTERIAN LUAR BELUM TERIMA PERMOHONAN FILIPINA JUMPA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Kementerian Luar belum menerima sebarang permohonan mengenai kedatangan bekas presiden Filipina, Fidel Ramos, untuk berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kebajikan rakyat negara itu yang dihantar pulang dari Sabah.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata beliau belum menerima sebarang maklumat dari Kedutaan Malaysia di Manila mengenai kedatangan Ramos seperti yang dilaporkan media kedua-dua negara.

"Kalau ada kita akan pertimbangkannya, dan terpulang kepada Perdana Menteri untuk menerima kedatangan mereka atau tidak," katanya pada sidang media selepas melancarkan program "Menyusuri Keagungan Bumi Turki Uthmaniah" bersama majalah Mastika.

Rabu lepas, Presiden Filipina Gloria Arroyo berkata beliau akan menghantar Ramos ke Kuala Lumpur sedikit masa lagi untuk menyampaikan kepada Dr Mahathir saranan berhubung penghantaran pulang pendatang tanpa izin dari negara ini yang tinggal di Sabah secara "teratur dan berperikemanusiaan".

Bagaimanapun, satu laporan dari Manila hari ini menyebut bahawa Ramos belum mengeluarkan sebarang kenyataan sama ada beliau bersetuju memenuhi permintaan Arroyo itu.

Syed Hamid berkata pada hakikatnya kedatangan Ramos itu jika bertujuan untuk membincangkan isu pendatang tanpa izin adalah "tidak perlu" tetapi sekiranya kedatangan itu mengikuti prosedur, maka terpulang kepada Dr Mahathir untuk menerimanya.

"Kita tidak tahu objektif dan matlamat kedatangan mereka, tapi kalau mereka hendak hantar atau jika mereka hendak juga berjumpa, kita kena lihat mengapa perkara itu terjadi, tak boleh kata kita tidak mahu menerima kedatangan mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia sedia berbincang mengenai punca yang menyebabkan kebanjiran kedatangan pendatang asing dari negara jiran itu ke Malaysia dan seterusnya mencari penyelesaian.

"Saya fikir perkara pertama yang harus diketengahkan ialah kenapa perkara ini berlaku, dan mengapa ramai rakyat negara jiran terpaksa berasak-asak datang ke sini. Ini menunjukkan ada masalah dari segi pembangunan ekonomi di sana terutamanya selatan Filipina," kata Syed Hamid.

Katanya Malaysia turut memahami masalah yang dihadapi negara jiran dan sedia membantu dengan menyumbang ke arah pembangunan Selatan Filipina dengan melabur di sana, dengan hanya meminta jaminan keselamatan daripada kerajaan negara itu.

"Masalah ini berpunca dari soal pembangunan di selatan Filipina, mereka tiada kerja, tiada pembangunan ekonomi, jadi mereka membanjiri Malaysia dan tempat yang terdekat untuk mereka ialah di Sabah," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia juga sedia membantu dengan menerima kedatangan rakyat negara jiran itu yang dilakukan mengikut undang-undang dan prosedur negara ini.

"Ramai rakyat dari Filipina yang tinggal bertahun-tahun di Sabah telah diberi kerakyatan. Apa yang penting jika mereka menggunakan saluran yang sah, mereka tidak akan menghadapi masalah seperti sekarang. Cuma setelah insiden seperti ini berlaku, jasa kita seperti tidak dilihat," katanya.

Mengulas mengenai laporan media Filipina yang mendakwa beribu-ribu pendatang tanpa izin dari Filipina termasuk wanita dan kanak-kanak menerima layanan kasar polis Malaysia, beliau berkata pandangan media negara itu

tidak seharusnya diperbesar.

"Kalau kita nak jawab semua, susahlah. Kita kena fokus dan melihat perkara ini dari segi latar belakang dan situasi sebenarnya. Dalam melaksanakan tugas, mungkin juga ada kejadian-kejadian itu, tetapi ia bukan berlaku disebabkan penganiayaan, kezaliman atau tindakan tidak berperikemanusiaan," katanya.

Syed Hamid berkata perkara itu tidak akan menjejaskan hubungan dua hala, dan Malaysia akan meneruskan operasi penghantaran pulang pendatang tanpa izin berkenaan yang dibuat dengan pengetahuan negara terlibat.

Menyentuh mengenai isu tuntutan Filipina terhadap Sabah yang ditimbulkan media Filipina, beliau berkata kedaulatan negara ini tidak seharusnya dipertikaikan.

"Kita kena ketengahkan isu kita iaitu tiada siapa yang boleh mempertikaikan kedaulatan dan integriti negara kita yang diiktiraf Bangsa-bangsa Bersatu. Soalnya bukan pertikaian wilayah, ia berkenaan penghantaran balik pendatang asing.

"Jangan alih pandangan kepada isu yang tidak punyai kaitan," katanya.

-- BERNAMA

SHI HS MAI